

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

**TARIKH JAWAPAN : 26 MAC 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah dasar/strategi yang digunakan oleh TNB untuk menjamin gangguan bekalan elektrik/blackout seperti yang berlaku di Sabah tidak berlaku di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tenaga Nasional Berhad telah merancang dan melaksanakan beberapa pelan tindakan bagi memastikan gangguan bekalan elektrik atau *blackout*, dengan izin, seperti yang berlaku di Sabah tidak berlaku di Semenanjung Malaysia. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah dengan memperkukuhkan sistem pembekalan elektrik di bahagian penghantaran dan pembahagian yang merupakan punca utama gangguan.

2. Pihak TNB telah mengenalpasti punca utama gangguan adalah daripada sistem voltan sederhana dan sistem voltan rendah. Lebih daripada 70% punca gangguan bekalan voltan sederhana adalah berpunca daripada sistem kabel bawah tanah. Gangguan pada sistem voltan rendah pula berpunca daripada kerosakan *Insulating Piercing Connectors* (IPC), dengan izin. Bagi menangani isu ini, TNB masih meneruskan pelaksanaan tindakan jangka pendek dan jangka panjang untuk memperbaiki sistem voltan sederhana dan voltan rendah.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Selain daripada pengukuhan sistem penghantaran dan pembahagian, tumpuan turut diberikan kepada bahagian penjanaan. Apabila Terminal Regasifikasi (RGT) di Sg. Udang telah beroperasi pada Jun 2013, bekalan gas daripada terminal ini ini telah memberi peluang kepada stesen-stesen jana kuasa arang batu untuk menjalani *planned maintenance* bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

4. Pengendali sistem grid juga telah bersedia dengan pelan kecemasan sekiranya sistem grid terjejas dengan mengimport tenaga daripada Thailand dan Singapura. Bagi memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat pada masa akan datang, dijangkakan unit-unit penjanaan baru akan mula beroperasi pada tahun 2015 iaitu Projek Janamanjung 5 berkapasiti 1,010MW dan pembangunan semula Stesen Janakuasa Jambatan Connaught berkapasiti 384.7MW.

5. Kementerian bersama Suruhanjaya Tenaga akan sentiasa melaksanakan pemantauan rapi bagi memastikan kejadian terputus bekalan tidak berlaku di Semenanjung Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]

SOALAN :-

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) berapakah peruntukan yang diperuntukkan dalam pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara terutamanya bagi kawasan Bintulu memandangkan kadar penduduk setingan masih tinggi di seluruh negara; dan
- (b) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk memperuntukkan semula pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) sebanyak 1000 unit di Bintulu, Sarawak yang telah diluluskan pada satu ketika dahulu bagi membasmi setingan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan giat melaksanakan 102,630 unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh Negara dengan kos projek sebanyak RM 9.348 Billion bermula dari tahun 2001 hingga sekarang.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyiapkan 1,000 unit rumah PPR di Kemena, Bintulu, Sarawak. Projek ini telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk pengisian golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah pada 22 Mei 2013.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014